

Ketua polis tolak cadangan 'nakal' tangkap Dr Mahathir
The Malaysian Insider
July 8, 2015
Oleh Muzliza Mustafa

Polis hari ini menolak saranan supaya bekas perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad ditangkap kerana didakwa mengaitkan Datuk Seri Najib Razak dengan skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar menyifatkan cadangan itu sebagai "nakal" dan berkata ia tidak akan dilayan.

Astro Awani pada Isnin melaporkan cadangan bekas ahli Majlis Tertinggi Umno Datuk Saifuddin Abdullah dalam akaun Twitter beliau supaya polis bertindak cepat dan menangkap Dr Mahathir sekiranya tuduhan itu benar.

Pada Jumaat, Najib mendakwa Dr Mahathir dalang di belakang tuduhan salah laku terhadap beliau dalam kes 1MDB seperti dilaporkan The Wall Street Journal.

"Kenapa pula nak sarankan pada saya? Kalau tiada sebab kenapa perlu saya tangkap Tun M?" soal Khalid.

Dr Mahathir menyangkal dakwaan Najib yang beliau merupakan sebahagian daripada plot media antarabangsa untuk menjatuhkan beliau.

Bekas perdana menteri itu memberitahu stesen televisyen British Broadcasting Corporation (BBC) dalam satu wawancara melalui video, serangannya terhadap Najib tiada kaitan dengan "tuntutan peribadinya" supaya beberapa dasar ketika pentadbiran beliau diteruskan.

Katanya, kritiknya dibuat kerana beliau bimbang dengan keadaan dana pelaburan strategik negara yang sarat hutang 1Malaysia Development Berhad dan strategi perniagaan Najib yang dianggapnya lemah.

"Saya tahu semua tentang wang yang dipinjam. Tetapi mengenai semua tipu helah yang menyusul, itu sesuatu yang saya baca di media asing dan saya mengesahkannya dengan bertanya orang tempatan.

"Saya bukannya bekerja dengan media asing," kata Dr Mahathir dalam wawancara yang dimuat naik di laman web BBC. – 8 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ketua-polis-tolak-cadangan-nakal-tangkap-dr-mahathir>